

## PROMOSI HEBAT SAVINGS BONANZA

Latest updated on 16 October 2018

### TEMPOH PROMOSI

“Promosi Hebat Savings Bonanza” (“Promosi”) Hong Leong Bank Berhad (97141-X) (“HLB”) dan/atau Hong Leong Islamic Bank Berhad (686191-W) (“HLISB”) bermula pada 23 Oktober 2018 dan berakhir pada 31 Januari 2019, termasuk kedua-dua tarikh (“Tempoh Promosi”), melainkan diberitahu sebaliknya.

HLB dan HLISB secara kolektif disebut “Bank”.

### TERMA & SYARAT

Terma dan syarat Promosi adalah seperti berikut:-

### KELAYAKAN

1. Promosi terbuka kepada seluruh pemegang akaun utama baharu dan sedia ada yang merupakan pelanggan individu warga Malaysia dan bukan warga Malaysia bagi Akaun Semasa atau Simpanan HLB / Akaun Semasa atau Simpanan HLISB (“CASA/CASA-i”) sertaan yang berikut, termasuk Perbankan Prioriti & Perbankan Persendirian Hong Leong dan pekerja tetap dan kontrak Bank (“Pemegang Akaun”). (secara kolektif dan kemudian daripada ini disebut “Pelanggan”).
2. Bagi mengelakkan keraguan, **Pemegang Akaun baharu** bermaksud Pelanggan yang tidak mempunyai apa-apa CASA/CASA-i dengan Bank sebelum Tempoh Promosi.
3. Promosi **TIDAK** terbuka kepada pelanggan bukan individu termasuk empunya tunggal, perkongsian, amalan profesional, syarikat dan badan korporat.
4. CASA/CASA-i sertaan bagi Promosi ini adalah seperti berikut (“Akaun Sertaan”):
  - a. Akaun Simpanan Asas Gaji Hong Leong/ Akaun Simpanan-i Asas Gaji Hong Leong;
  - b. Akaun Simpanan Gaji Hong Leong/ Akaun Simpanan-i Gaji Hong Leong;
  - c. Akaun Pay&Save Gaji Hong Leong/ Akaun Pay&Save-i Gaji Hong Leong;
  - d. Akaun Simpanan Asas Hong Leong/ Akaun Simpanan-i Asas Hong Leong;
  - e. Akaun Simpanan-i Multi-tier Hong Leong;
  - f. Akaun Simpanan Hong Leong/ Akaun Simpanan-i Hong Leong;
  - g. Akaun Semasa Asas Hong Leong/ Akaun Semasa-i Asas Hong Leong
  - h. Akaun Semasa Hong Leong/ Akaun Semasa-i Hong Leong;
  - i. Akaun Simpanan Senior Savers Hong Leong;
  - j. Akaun Simpanan Harvest Hong Leong;
  - k. Akaun Pay&Save Hong Leong/ Akaun Pay&Save-i Hong Leong;
  - l. Akaun Smartlink Hong Leong;
  - m. Akaun Top Yield Hong Leong;
  - n. Akaun One Hong Leong;
  - o. Akaun One Semasa-i Hong Leong;
  - p. Akaun Plus-i Gaji Hong Leong; dan/atau
  - q. Akaun Deposit Tabung Duit Hong Leong.

Akaun Sertain-i adalah akaun deposit berasaskan prinsip Syariah iaitu Tawarruq. Bagi mengelakkan keraguan, semua Akaun Sertain yang dinyatakan dalam Fasal 4 di atas adalah layak dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (“PIDM”).

## **KAEDAH PROMOSI**

### **A. HADIAH DAFTAR DIRI**

5. **Pemegang Akaun Baharu** berhak menerima Hadiah Daftar Diri apabila membuka akaun dengan peletakkan Amaun Deposit minimum sebanyak Ringgit Malaysia Dua Ribu (RM2,000.00) ke dalam **CASA** sertain yang baru dibuka semasa Tempoh Promosi, bergantung kepada ketersediaan stok dan atas dasar siapa cepat dia dapat.

<b>Hadiah Daftar Diri</b>	<b>Amaun Deposit Minimum</b>	<b>Jumlah Peruntukan Hadiah Daftar Diri (Unit)</b>
Beg Jinjing Denim	RM2,000.00	5,000

6. Hadiah Daftar Diri akan diserahkan kepada Pemegang Akaun Layak apabila membuka akaun dan meletakkan deposit tersebut di cawangan HLB bergantung kepada ketersediaan stok dan atas dasar siapa cepat dia dapat.

### **B. HADIAH PELANGGAN TERAWAL**

7. Pemegang Akaun mestilah:-
- Deposit amaun yang dinyatakan dalam jadual di bawah (“Amaun Peruntuk Minimum”) ke dalam Akaun Sertain semasa Tempoh Promosi; dan
  - mengekalkan Amaun Peruntuk Minimum selama **empat (4) bulan berturut-turut** (“Tempoh Peruntuk”) dari tarikh Amaun Peruntuk Minimum didepositkan ke dalam Akaun Sertain, supaya Pemegang Akaun layak menerima Hadiah Pelanggan Terawal seperti berikut:

<b>Kategori Hadiah</b>	<b>Hadiah Pelanggan Terawal</b>	<b>Amaun Peruntuk Minimum (RM)</b>	<b>Jumlah Peruntukan Hadiah Pelanggan Terawal (Unit)</b>
1	Pengukus Makanan Pensonic	5,000.00	500
2	Kuali Leper Panggang Morgan	10,000.00	500
3	Beg Troli Valentino Creations 20”	30,000.00	500
4	Set Perkakas Masak Keluarga Shogun Granite 7 biji	50,000.00	20

8. Pemegang Akaun yang telah memenuhi kriteria seperti dinyatakan dalam Fasal 5 & 7 di atas hendaklah disebut “Pemegang Akaun Layak”.
9. Semua deposit mestilah “**Dana Baharu**” sahaja. Bagi mengelakkan keraguan, “Dana Baharu” ditakrif sebagai:

- a. Wang tunai, GIRO antara bank, dana baharu yang diterima melalui pindahan telegraf daripada bank lain, cek tempatan atau cek jurubank yang dikeluarkan oleh bank lain yang didepositkan ke dalam Akaun Sertaan; dan
  - b. Hasil daripada penebusan ekuiti, dana unit amanah, bon / sukuk dan / atau Hong Leong Invest Safe semasa Tempoh Promosi yang didepositkan semula ke dalam Akaun Sertaan.
10. Yang berikut **TIDAK** boleh dianggap sebagai “Dana Baharu”:
- a. Deposit Tetap atau Deposit Tetap-i (“FD/FD-i”) yang matang atau pengeluaran pramatang mana-mana akaun FD/FD-i sedia ada;
  - b. Pindahan dana intra bank, iaitu pindahan dana daripada Akaun Sertaan HLB / HLISB yang lain, FD/FD-i atau Akaun Pelaburan Am; dan
  - c. Pindahan antara cawangan di dalam HLB dan HLISB termasuk pindahan pihak ketiga (ke-3).
11. Hadiah Daftar Diri dan Hadiah Pelanggan Terawal (secara kolektif disebut di dalam ini sebagai “Hadiah”) dilaksanakan atas dasar siapa cepat dia dapat, tertakluk kepada ketersediaan stok, dihadkan setakat **satu (1)** Hadiah bagi setiap kategori Hadiah bagi setiap Pemegang Akaun Layak sepanjang Tempoh Promosi tanpa mengira jumlah amaun yang diletakkan dalam Akaun Sertaan sepanjang Tempoh Promosi.
12. Pemegang Akaun Layak akan diberitahu oleh Bank melalui telefon tidak lewat daripada dua puluh satu (21) hari kerja dari tarikh peletakan deposit (“Tarikh Pemberitahuan”) untuk mengambil Hadiah, kecuali Hadiah Daftar Diri, daripada cawangan tempat deposit diletakkan.
13. Pemegang Akaun Layak bertanggungjawab mengambil Hadiah daripada cawangan tempat deposit diletakkan dalam masa **satu (1)** bulan dari Tarikh Pemberitahuan, jika gagal berbuat demikian, Hadiah itu akan dilupuskan dan Bank tidak akan melayani apa-apa tuntutan daripada Pemegang Akaun Layak setelah tamatnya tempoh masa yang disebutkan tadi.
14. Bagi Hadiah Daftar Diri, Pemegang Akaun Layak akan menerima Hadiah Daftar Diri pada masa itu juga daripada cawangan HLB berkenaan apabila meletakkan deposit tersebut.
15. Pemberitahuan akan dikeluarkan sekiranya mana-mana atau kesemua Hadiah itu kehabisan stok dengan cara menyiarkannya dalam Laman Web HLB.
16. Hadiah akan dikeluarkan atas dasar “Sebagaimana Ada”. Hadiah yang dipaparkan dalam semua bahan bercetak dan/atau Laman Web HLB adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja. Apa-apa prop, aksesori atau peralatan yang dipaparkan bersama Hadiah dalam mana-mana bahan bergambar adalah untuk tujuan hiasan dan bukanlah sebahagian daripada Hadiah.
17. Bank tidak boleh dipertanggungjawabkan sama sekali jika ada Hadiah yang hilang, koyak, rosak atau dicuri dan sebarang permintaan untuk mendapat gantian Haidah tidak akan dilayani oleh Bank.
18. Sekiranya Amaun Deposit peruntuk dikeluarkan (sebahagian atau keseluruhan) semasa Tempoh Peruntuk atas apa jua sebab sekalipun, HLB berhak memotong Fi Penalti berikut daripada Akaun Sertaan pada tarikh pengeluaran oleh Pemegang Akaun sebagai bayaran atas Hadiah itu dan apa-apa tuntutan oleh Pemegang Akaun Layak supaya Fi Penalti itu dibayar balik tidak akan dilayani oleh HLB.

<b>Hadiah Pelanggan Terawal</b>	<b>Fi Penalti (RM)</b>
Pengukus Makanan Pensonic	60.00
Kuali Leper Panggang Morgan	100.00
Beg Troli Valentino Creations 20"	200.00
Set Perkakas Masak Keluarga Shogun Granite 7 biji	500.00

19. Fi Penalti tersebut di atas akan dikenakan mulai 26 Oktober 2018. Bagi mengelakkan keraguan, Fi Penalti dikecualikan ke atas Pemegang Akaun CASA-i Sertaan.

### **UMUM**

20. Dengan menyertai Promosi, Pelanggan bersetuju:

- i) telah membaca, memahami dan mematuhi Terma & Syarat di dalam ini, Terma dan Syarat Am Akaun Bank dan Terma & Syarat Akaun Sertaan;
- ii) keputusan Bank atas segala hal berkaitan dengan Promosi adalah muktamad, dan mengikat ke atas seluruh Pelanggan dan sebarang surat-menyurat dan / atau rayuan untuk mempertikaikan keputusan Bank tidak akan dilayani Bank;
- iii) mengakses laman web HLB di [www.hlb.com.my](http://www.hlb.com.my) dari semasa ke semasa untuk menyemak Terma & Syarat Kempen dan memastikan sentiasa mengikuti apa-apa perubahan atau pindaan kepada Terma & Syarat;
- iv) Bank tidak memberi representasi atau waranti berkenaan dengan kualiti atau kesesuaian Hadiah
- v) Hadiah tidak boleh dipindah milik kepada mana-mana pihak ketiga (ke-3) dan tidak boleh ditukar untuk kredit muka, cek atau manfaat barangan; dan
- vi) bertanggungjawab dan hendaklah menanggung sendiri segala cukai berkenaan, fi kerajaan atau apa-apa caj lain yang dikenakan terhadap mereka di bawah undang-undang berkenaan, jika ada, berkaitan dengan penyertaan mereka dalam Promosi.

21. Bank berhak:

- (i) menambah, menggugurkan, menggantung atau meminda Terma & Syarat terkandung di dalam ini, sama ada keseluruhan atau sebahagian, termasuk tetapi tidak terhad kepada menggantikan ganjaran dengan tawaran atau produk lain yang sama nilainya atas budi bicara mutlakinya, dengan cara menyiarkannya dalam Laman Web Bank dengan memberi notis awal dua puluh satu (21) hari, atau dengan apa-apa cara yang dianggap sesuai oleh Bank;
- (ii) mengubah, menambah, membatalkan atau menggantikan kesemua atau mana-mana Hadiah dengan produk lain yang sama nilainya pada bila-bila masa dengan memberi notis awal;
- (iii) melucutkan kelayakan mana-mana Pelanggan atas apa jua sebab sekalipun yang Bank anggap wajar menurut budi bicara mutlakinya daripada menyertai Promosi dan/atau layak menerima Hadiah itu; dan
- (iv) melupuskan Hadiah sekiranya Pelanggan tidak mematuhi Terma & Syarat di dalam ini dan / atau Terma dan Syarat Am Akaun Hong Leong bagi Akaun Semasa dan Akaun Simpanan Hong Leong, Akaun Semasa dan Akaun Simpanan-i Hong Leong (Tawarruq CASA-i), dan semua undang-undang / peraturan berkenaan yang lain.

22. Terma & Syarat di dalam ini dan Terma dan Syarat Am Akaun hendaklah dibaca sebagai suatu perjanjian keseluruhan. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan antara Terma & Syarat di dalam ini dengan Terma dan Syarat Am Akaun, maka Terma & Syarat tertentu di dalam ini hendaklah diutamakan setakat percanggahan tersebut.
23. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan antara Terma & Syarat ini berbanding dengan bahan pengiklanan, promosi dan publisiti dan bahan lain berkaitan dengan atau bersabit dengan Promosi ini, maka Terma & Syarat seperti dalam Laman Web Bank hendaklah diutamakan.
24. Terma & Syarat di dalam ini adalah tertakluk kepada dan ditafsirkan menurut undang-undang Malaysia dan Pelanggan bersetuju untuk akur kepada bidang kuasa eksklusif Mahkamah-mahkamah Malaysia,
25. Perkataan yang menandakan satu jantina termasuk semua jantina lain dan perkataan yang menandakan tunggal termasuk jamak dan begitu juga sebaliknya.

**Produk Deposit/Deposit-i adalah layak dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia ("PIDM")**